



*Istana
Pagar
Ruyung,
di Batu
Sangkar,
Sumatera
Barat*

Rumah Gadang Manifestasi Budaya Minang

Oleh LILY HASLINA NASIR

KEINDAHAN, ketelitian dan kerapian seni bina Rumah Adat Minangkabau atau Rumah Gadang, mencerminkan ketrampilan para pengukirnya. Rumah Gadang yang tersergam semenjak zaman-berzaman pastinya menjadi kebanggaan masyarakat tradisional kerana telah dibina sebegitu sempurna tanpa mengguna-

kan sebarang jentera moden, dan keasliannya tetap terpelihara sehingga hari ini.

Rumah Gadang sebenarnya mempunyai fungsi yang tersendiri dan berperanan sebagai pusat kesatuan sosial terkecil yang berhubung dengan sistem-sistem yang terdapat pada pranata sosialnya. Dalam konteks ini, fungsinya merangkumi tempat kediaman, tempat

mendidik anak-anak, pusat bermusyawarah dalam keluarga dan sebagainya.

Rumah Gadang melambangkan status sosial sesebuah keluarga dalam lingkungan masyarakat Minangkabau. Sesebuah institusi keluarga itu dikatakan kaya seandainya Rumah Gadang milik mereka mempunyai ukiran-ukiran yang besar, baik dan menarik. Hal ini jelas membuktikan betapa besarnya

peranan dan kepentingan Rumah Gadang dalam penentuan martabat sesuatu keluarga itu.

Rumah Gadang sebagai rumah adat adalah milik ibu dan lazimnya didiami oleh sekurang-kurangnya lima generasi yang masih hidup; dimulakan oleh moyang, nenek, ibu, anak dan akhirnya cucu. Justeru, Rumah Gadang harus sekurang-kurangnya memiliki lima ruang dan antara nama yang diberikan ialah "rumah besar", "sembilan ruang", dan "selanjat kuda berlari". Setiap rumah dalam kampung dikepalai oleh anggota lelaki yang tertua dalam kamunya yang disebut "tunganai".

Seperti Adat Perpatih di Negeri Sembilan, kaum lelaki cuma berkuasa di luar sahaja. Begitu juga dengan "tunganai". Tidak seperti saudara perempuan mereka yang dikenali sebagai "dunsanak", memiliki pengaruh dan kuasa di dalam.

Secara amnya, hampir semua rumah adat mempunyai atap yang berbentuk tanduk atau disebut "gonjong". Jumlah "gonjong" terkecil ialah dua buah, manakala yang terbanyak ialah enam buah. Namun, ini kadangkala mencapai sehingga dua belas buah, sebagaimana yang terdapat di Sulit Air dalam daerah Kubung Tiga Belas. Terdapat tiga versi menarik yang menerangkan asal-usul "gonjong" ini; iaitu modifikasi yang berasaskan bentuk-bentuk susunan sirih, tanduk kerbau dan perahu.

Menerusi versi pertama, iaitu susun sirih; kelaziman memakan sirih menjadi satu resam bagi masyarakat di Minangkabau, selain masyarakat setempat yang lain seperti di Malaysia, Sri Lanka, India, Pakistan dan Bangladesh. Bagai-kan satu kebetulan, susun sirih mempunyai bentuk yang mirip gonjong.

Berdasarkan kisah turun-temurun, versi tandak, selain merupakan lambang kesaktian yang wujud di seluruh Indonesia, tanduk juga dikatakan dipakai oleh Iskandar Zulkarnain sebagai peci dan lambang kekuasaannya yang meluas dari barat hingga ke timur. Maka, tidak hairanlah kebanyakan "gonjong" melintang dari arah barat ke timur manakala dinding yang terdapat di bahagian hujungnya disebut "singkok" atau dinding hari, lantaran letaknya bertentangan dengan matahari yang terbit atau tenggelam.

Versi ketiga, seperti yang diceritakan

dalam tambo, juga mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Versi ini merangkaikan kisah Datuk Papatih Nan Sebatang yang menemukan sebuah peti berisi alat-alat pertukangan semasa dalam pelayaran pulang dari tanah perantauan. Penemuannya itu telah mendorongnya mengabadikan bentuk perahu yang dinaiki itu dalam suatu bentuk yang nyata pada pandangan mata, iaitu sebagai atap rumah adat. Binaan tersebut kekal menyongsong zaman; tidak lapuk dek hujan dan tidak lekang dek panas sehinggalah ke hari ini.

Rumah Gadang, secara simbolis cukup ampuh dengan nama "Cahaya Nagari" iaitu Cahaya Negeri pada suatu ketika dahulu. Gelaran ini ada kaitan yang rapat dengan sifat rumah gadang itu sebagai salah satu jenis rumah adat Minangkabau, yang menjadi keagungan masyarakat Minangkabau di Sumatera pada suatu ketika dahulu.

"Urang babangso" begitulah sebutan masyarakat Minangkabau terhadap golongan bangsawan. Mereka mempunyai beberapa larangan keras terhadap masyarakat biasa daripada membuat Rumah Gadang yang seindah milik "Urang babangso".

Zaman silih berganti dan kini seni bina Rumah Gadang menjadi warisan turun-temurun masyarakat Minangkabau. Masyarakat mula mengakuinya sebagai milik dan hak bersama. Lantaran menjadi tugas mereka memper-

tahankan nilai-nilai konvensional yang menjadi pusaka utama Rumah Gadang. Kepakaran dalam seni ukir, menjadi rahsia dan keunggulan masyarakat Minangkabau. Kehalusan mereka dalam menyempurnakan kerja-kerja seni dapat dilihat berdasarkan Rumah Gadang sendiri.

Selain itu, pola ukiran-ukiran yang terdapat pada rumah adat ini memperlihatkan struktur komposisi yang terdiri daripada unsur-unsur geometrik seperti lingkaran empat persegi, segi tiga dan garis. Setiap unsur geometrik ini disulami dunia bunga-bunga seperti ranting, tangkai bunga gagang, daun, bunga, serpih "sapieh" dan buah.

Suatu hal yang cukup menarik di sini ialah pemberian judul-judulnya adalah berorientasikan dunia tumbuh-tumbuhan, alam mergastua serta tokoh legenda daripada tambo (mitos Minangkabau). Contohnya, motif-motif rajo tigo selo, kambing manih dan tupai mananagun.

Setiap bahagian pada rumah adat ini memiliki identiti yang tertentu. Bu- kitnya, ruang yang terdapat di tengah-tengah, iaitu di bahagian pintu masuk, disebut ruang tengah. Sekiranya sesebuah rumah adat itu mempunyai sembilan, ini bermakna pada rumah itu terdapat sepuluh deretan tiang yang membujur.

Dinding rumah di bahagian hadapan disebut dinding tepi. Seluruh permukaan dinding ini dipenuhi tataan



Muzium Bukit Tinggi, Sumatera Barat

ukir dengan aneka ragam motif ukir-nya. Dinding belakang pula disebut dinding sasak kerana diperbuat daripada anyaman buluh dan tidak mempunyai sebarang ukiran. Dinding yang menjadi santapan mata daripada sisi ialah dinding hari.

Di samping itu, terdapat beberapa contoh Rumah Gadang yang memperlihatkan kehadiran penyimpangan daripada kelaziman Rumah Gadang yang lain. Rumah Gadang yang agak istimewa ini mempunyai motif mahkota Raja Belanda, motif Swastika, motif Lambang Negara Republik Indonesia *Bhinneka Tunggal Ika*, malahan terdapat sebuah Rumah Gadang di Saninbakar yang menampilkan bentuk-bentuk yang mendekati unsur realistik.

Ini mungkin ditafsirkan sebagai satu kebetulan, atau mungkin juga sebagai suatu kesengajaan yang mewakili kecenderungan dalam alternatif, ingin bervariasi, mengemukakan sesuatu yang baru (inovatif), penyerapan (reseptif) terhadap unsur-unsur baru atau asing serta meliputi selera pengukir itu sendiri.

Para pelancong yang mahu menghayati sendiri keindahan dan menyaksikan Rumah Gadang ini masih berkesempatan berbuat demikian. Antara yang hebat dan masih asli boleh dilihat Istana Pagar Ruyung dan Selindung Bulan di daerah Batu Sangkar, Muzium Bukit Tinggi, Pusat Informasi di Padangpanjang dan beberapa tempat lain seperti di Paya Kumbuh, Maninjau dan sebagainya.

Selain keistimewaan dari aspek seni bina dan seni ukir tradisional, lanskap atau taman yang mengelilingi rumah-rumah tradisional itu sendiri cukup memikat hati. Bunga-bunga yang beraneka warna dan jenis menghiasai kawasan persekitaran. Cuaca yang dingin (jika di Malaysia seperti di Cameron Highlands) mengizinkan tumbuhan di situ hidup segar meng-

hijau.

Sebaik sahaja kita menginjakkan kaki ke Padangpanjang kita pasti kagum. Keindahan alam yang menghidu begitu menyenangkan, ditambah pula dengan gunung-ganang yang bertindak sebagai paku alam, sentiasa mengundang kabus yang menyelimuti kota kecil itu. Lebih menakutkan lagi ialah tentang sukarnya untuk melihat rumah atau seni bina yang berkilatkan pengaruh Barat yang moden.

Di mana-mana sahaja sorot mata kita akan tertanjap kepada seni bina rumah

sendiri dibuat secara gotong-royong dengan wang yang dikumpul bersama.

Rumah Gadang ditampilkan dalam pelbagai bentuk yang rencam, yang terdiri daripada sekurang-kurangnya lima jenis. Walau bagaimanapun, yang masih dikenal dengan baik dan akrab dengan kehidupan masyarakat Minangkabau hanyalah Rumah Gadang dan balai adat sahaja.

Rumah adat tersebut termasuklah "tungku nasi", "kajang padati" dan "dangau layang-layang". Menurut orang tua-tua yang ditemui, sewaktu mereka masih kecil, rumah tersebut sudah sedia wujud. Maklumat yang mereka peroleh tentang rumah-rumah adat itu pula sekadar cerita-cerita lisan yang didengar sendiri daripada mulut datuk-nenek mereka.

Sejak sebelum zaman penjajahan Belanda sehinggalah ke tarikh kemerdekaan, bukanlah satu jangka masa yang singkat. Masa dan peradaban zaman yang sering berubah banyak menunjangi kelestarian nama ketiga-tiga rumah adat tersebut.

Pada masa ini, masyarakat Minangkabau sekadar menyebutnya sebagai Rumah Gadang dan balai adat sahaja. Rumah adat yang masih kekal di Sumatera Barat terdiri daripada dua pola iaitu pola kelarasan koto poli yang mempunyai anjung, serta pola kelarasan Bodi Caniago dengan ciri-ciri tanpa anjung.

Kegemilangan Rumah Gadang masih dapat dilihat pada hari ini, meskipun terpaksa bersaing dengan kemunculan ratusan bangunan pencakar langit yang lebih moden dan canggih. Kehadirannya tetap dirasai. Setidak-tidaknya, gonjong Rumah Gadang yang unik itu telah diadaptasi sebagai mahkota bangunan-bangunan rasmi kerajaan; cukup sebagai satu tanda penghargaan arkitek kini terhadap sentuhan ajaib para pengukir zaman silam. **DB**



Rumah tempat menyimpan padi

Gadang. Keutuhan jiwa dan semangat anak muda mempertahankan seni budaya mereka cukup mengagumkan. Anak-anak warisan yang bakal menggantikan tenaga tua yang pakar dalam seni bina tradisional ini bukanlah menjadi satu masalah.

Menurut penduduk tempatan setiap suku mempunyai rumah adat bagi keluarga mereka sendiri. Lazimnya ini menjadi rumah persinggahan bagi keluarga jauh untuk berkumpul apabila ada kundi-kundi atau keramaian. Pembinaan rumah adat untuk suku